



SURAT ARAHAN SETIAUSAHA SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN
BIL. 6 TAHUN 2010

PENGGUNAAN E-CUTI HRMIS

PENDAHULUAN

1. Permohonan cuti terutama cuti rehat melalui aplikasi e-cuti HRMIS telah dilaksanakan di Suruhanjaya ini sejak ia mula ditubuhkan. Walau bagaimanapun penggunaan e-cuti HRMIS ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh di mana terdapat sebahagian pegawai dan kakitangan yang masih memohon cuti secara manual. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dalam mengemukakan permohonan cuti dan ini boleh menyebabkan rekod cuti pegawai dan kakitangan Suruhanjaya ini tidak teratur.

PELAKSANAAN

2. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan ICT dalam pengurusan sumber manusia, maka semua permohonan cuti terutama cuti rehat hendaklah dibuat melalui aplikasi e-cuti HRMIS kecuali bagi kakitangan bertaraf kontrak. Ini memandangkan mereka tidak mempunyai sandangan dalam HRMIS.

3. Bagi memastikan rekod cuti pegawai dan kakitangan Suruhanjaya berada dalam keadaan teratur, Bahagian Pengurusan hendaklah mengemaskini data sejarah cuti setiap pegawai dan kakitangan. Di samping itu, Unit Teknologi Maklumat dikehendaki memaklumkan semula kata laluan dan penetapan aliran penyokong serta pelulus cuti bagi setiap pegawai dan kakitangan Suruhanjaya.

4. Untuk membolehkan tindakan menyokong dan meluluskan cuti dapat dilaksanakan sebelum pegawai mula bercuti, maka pemohon hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Penyokong melalui emel berhubung permohonan cuti tersebut. Pegawai Penyokong selanjutnya pula perlu memaklumkan kepada Pegawai Pelulus setelah permohonan tersebut disokong. Penolong Pegawai Tadbir/Penolong Pegawai Teknologi Maklumat perlu mencetak setiap permohonan cuti yang telah diluluskan secara bulanan untuk disimpan di dalam setiap fail cuti pegawai dan kakitangan Suruhanjaya.


Rujukan: SPK. 100-2/2 (8)

5. Permohonan cuti rehat yang diambil atas sebab kecemasan hendaklah juga dipohon melalui e-cuti HRMIS sebaik sahaja pegawai atau kakitangan berkenaan kembali dari bercuti.

TARIKH KUAT KUASA

6. Tarikh kuat kuasa permohonan cuti melalui aplikasi e-cuti HRMIS ini adalah mulai 15 Julai 2010.

Sekian, terima kasih.



(HAMIDAH BINTI KHALID)

Tarikh: 14 Julai 2010

Semua Pegawai dan Kakitangan
Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman